



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

YBRS. TS. ZAINAB BINTI AHMAD

**KETUA PENGARAH JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

SEMPENA

LAWATAN KERJA

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KE

POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

PADA 20 OKTOBER 2021 (RABU)

3.00 PETANG

DEWAN AL- JAZARI

Terima kasih Pengacara Majlis

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraqatuh

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

(MOHON RUJUK LAMPIRAN SALUTASI)

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala pujian dan kesyukuran dilafazkan kepada Allah Subhanahu wa ta'ala kerana dengan izinNya kita dapat bersama sempena Lawatan Kerja Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi ke Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). Terlebih dahulu, saya ingin mengalu-alukan kehadiran **“Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Mazlan bin Yusoff “** ke PSA. Sesungguhnya kehadiran Datuk Seri Dr. pada petang ini amat dinanti-nantikan khususnya oleh warga PSA setelah sekian lama aktiviti kita terbatas akibat pandemik COVID-19.
2. Sebelum saya lanjutkan, izinkan saya bercerita serba sedikit tentang sejarah latar belakang PSA yang dahulunya dikenali sebagai Politeknik Shah Alam. PSA merupakan politeknik yang ke – 8 di bawah Program Bank Dunia dan telah memulakan operasinya pada Januari 1997. Pada bulan Julai tahun yang sama, PSA telah memulakan sesi pertamanya dengan kemasukan seramai 640 orang pelajar. Pada tahun 2002, PSA telah menukarkan namanya kepada Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bersempena dengan nama DYMM Yang Dipertuan Agong Kesebelas yang disempurnakan oleh DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah pada 8 Mac 2002. Pada 25 Febuari 2010, PSA telah dinaikkan taraf sebagai Politeknik Premier yang diumumkan oleh Yang

Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan pada ketika itu iaitu Tan Sri Mahyuddin bin Hj Mohd Yassin dalam Pelan Transformasi Politeknik. Politeknik Premier merupakan institusi ikon dan pemangkin kepada keseluruhan perubahan sistem pendidikan dan latihan politeknik di Malaysia dengan bermatlamat untuk memastikan kelestarian penghasilan modal insan negara. Hari ini, PSA mempunyai 6 Jabatan yang terdiri daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Perdagangan, Jabatan Matematik, Sains dan Komputer serta Jabatan Pengajian Am. PSA menawarkan sebanyak 15 program pengajian iaitu 2 program ijazah, 12 program diploma dan satu program sijil kemahiran khas. Di bawah strategi TVET - dual certification PSA turut menawarkan program pensijilan Tahfiz al-Quran dengan kolaborasi pihak Darul Quran_JAKIM.

YBhg. Datuk Seri Dr., YBrs. Dr., Ts., tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

PEMBUDAYA DIGITAL@IR4.0

3. COVID-19 telah banyak mengubah cara hidup kita. Sejak hampir dua tahun kita hidup bersama virus ini, tanpa kita sedar ia memberi implikasi yang cukup besar terutamanya dalam melonjak penggunaan teknologi digital. Berdasarkan Laporan Survey Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah 2020 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, penggunaan internet dalam kalangan rakyat berusia 15 tahun ke atas didapati meningkat kepada 89.6 % tahun lalu berbanding 84.2% pada 2019.
4. Ini menunjukkan bahawa kita perlu bergerak seiring dengan perubahan yang berlaku. Warga KPT khususnya, perlu untuk lebih kreatif dan inovatif bagi

memastikan kelangsungan sistem pendidikan terus diperkasa. Dalam hal ini, saya melihat pensyarah-pensyarah sangat proaktif dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) tetap berjalan dengan lancar. Sepanjang tempoh ini juga, pelbagai inovasi dihasilkan malah program-program dan aktiviti-aktiviti tetap diteruskan seperti biasa namun dalam suasana norma baharu melalui penggunaan teknologi digital masa kini.

5. Apa yang ingin saya nyatakan di sini adalah pelaksanaan PdP serta program-program secara digital telah diaplikasi dengan jayanya. Sambutan yang berkonsepkan *Mix Reality* yang menggabungkan penerbitan fizikal, teknologi AR (*Augmented Reality*) dan juga XR (*Extended Reality*) yang berbentuk interaktif dan berteknologi tinggi telah memberikan kesan kepada penonton seolah-olah mereka hadir secara fizikal di tempat kejadian.

6. Sebagai makluman semua, membudayakan pendigitalan dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional adalah selari dengan teknologi IR4.0. Warga Politeknik dan Kolej Komuniti juga telahpun membiasakan diri dengan isu dalam talian yang meliputi masalah liputan rangkaian internet, pengetahuan berkaitan teknologi, kaedah dan platform PdP. Para pelajar juga telah mengadaptasi corak pembelajaran secara norma baharu. Pembudayaan pendigitalan ini bukan sahaja meliputi aktiviti PdP malah turut merangkumi pengurusan akademik, penyelidikan, pentadbiran, kewangan, perpustakaan dan keupayaan infostruktur dan infrastruktur ICT berteraskan teknologi pintar. Agenda pendigitalan di Politeknik dan Kolej Komuniti ini turut menyokong Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025 yang dibangunkan oleh MAMPU.

7. PSA contohnya, antara Politeknik yang aktif menggunakan teknologi digital. Ini sejajar dengan hasrat PSA ke arah *Intelligent Campus* dengan menekankan 11 domain utama iaitu *Integrated, Network, Technology, Ecosystem, Learning, Linkages, Innovation, Green, Enterprise, Noble* dan *TVET 6.0*.

YBhg Datuk Seri KSU, hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

8. Sebelum saya mengundurkan diri, saya ingin mengajak warga pendidik TVET agar sentiasa peka dengan perubahan semasa khususnya ke arah Pendigitalan Pendidikan. Penekanan kepada aspirasi Pelan Strategik Fasa Kedua (2021-2025) iaitu memperkasa strategi dan inisiatif bagi menganjak Politeknik dan Kolej Komuniti ke arah kecemerlangan yang diterajui bakat yang kompeten seiring dengan revolusi industri harap dicapai dalam tempoh yang ditetapkan.
9. Akhirnya, mewakili warga PSA, Politeknik & KK sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Ybhg DS KSU atas kesudian turun padang pada hari ini. Juga ampun dan maaf bagi segala kekurangan di pihak kami. Sebagai penutup bicara pada petang ini, saya ingin sampaikan kata-kata hikmat Prof. Dr. Hamka yang berbunyi,

“Peluang yang besar itu datang secara tiba-tiba...

Datang tidak menentu masa....

Datang di saat kita kesempitan atau kesusahan...

Nilailah peluang itu secara bijaksana.

Rebutlah peluang yang besar itu, kerana peluang yang besar itu boleh berlaku dengan tiba-tiba.

Jangan jadikan seribu alasan untuk tidak merebut peluang yang besar itu!”

Sekian, Wabillahhi Taufiq Wal Hidayah,

Assalamualaikum Warahmatullah Hi Wabarakatuh.